


CABARAN MEDIA BAHARU



INSTITUT Akhbar Malaysia (MPI) menganjurkan kursus penulisan naratif kepada 30 pengamal media bagi meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan teknik penulisan berita, bermula semalam.

Dalam kursus penulisan yang berlangsung selama dua hari itu

beberapa kaedah baharu penulisan berita diketengahkan kepada pengamal media termasuk pensyarah dan pelajar dalam bidang komunikasi media dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kursus yang bermula pukul

9.30 pagi itu telah dikendalikan sepenuhnya oleh Pensyarah Kewartawanan Universiti George Washington, Amerika Syarikat, Prof. Madya Janet E. Steele.

Yang turut hadir, Pegawai Media dan Informasi Kedutaan Amerika Syarikat, Morgan J. O'Brien III dan

Pengurus Latihan MPI, Norhafiza Kamaludin.

■ **JANET E. STEELE** (depan, lima dari kiri) bersama pengamal media dan peserta kursus penulisan naratif anjuran Institut Akhbar Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.